



21 APR, 2026

THT lunas geram 'belasah' ATM

Kosmo, Malaysia



THT mencatat kemenangan pertama pada saingan MHL selepas membenam cabaran ATM kelmarin. – FB MHL

THT lunas geram 'belasah' ATM

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) akhirnya kembali menemui rentak kemenangan selepas membelasah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 7-1 pada perlawanan ketiga saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) 2026 kelmarin.

Selepas sekadar mencatat satu kekalahan dan satu seri dalam dua aksi terdahulu, pemenang trebel musim lalu itu akhirnya berjaya melepaskan geram dan mengutip tiga mata yang sangat berharga.

Kapten THT, Fitri Saari mengakui lega dengan kemenangan itu selain menggesa rakan sepasukan untuk mengekalkan fokus bagi memastikan mereka terus mengutip tiga mata pada perlawanan akan datang.

"Alhamdulillah kami berjaya mendapatkan tiga mata ketika bertemu ATM kerana saingan liga sudah memasuki aksi ketiga. Selepas tewas kepada TNB (Tenaga Nasional Berhad) dan seri dengan Maybank, akhirnya kami catat kemenangan pertama.

"Sudah tentu kemenangan

ini menjadi pembakar semangat untuk kami menampilkan aksi lebih baik pada perlawanan akan datang. Kami harap dapat kekalkan momentum dan terus mengutip tiga mata," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil itu, Faizal Saari meledak empat gol, manakala Mohammad Haris Iskandar Osman, Muhammad Arief Syafie Ishak dan Muhammad Abid Suffian Mat Ruslee masing-masing menjaringkan satu gol.

Walaupun sudah terlepas satu trofi musim ini selepas tewas kepada TNB pada aksi Piala Sumbangsih, namun Fitri tetap positif bagi memburu dua trofi kerana menganggap saingan masih awal.

"Masih awal lagi dan kita juga ada dua pusingan (liga) pada musim ini. Oleh itu, kami tidak boleh lagi tercicir mata dalam baki perlawanan. Bagi saya, kedudukan naib juara pun sudah cukup baik," ujarnya.